

KOKURIKULUM

Pembelajaran kokurikulum adalah untuk melengkapi keperluan dan persediaan diri anak-anak bukan sahaja dari aspek perkembangan fizikal dan mental malah dalam meningkatkan sahsiah, nilai kepimpinan, potensi dan kredibiliti yang ada pada diri anak-anak untuk jangka masa yang panjang dan berterusan.

UNIT BERUNIFORM

- ★ Pengakap
- ★ Persatuan Bulan Sabit Merah

SUKAN & PERMAINAN

- ★ Bola Baling
- ★ Bola Jaring
- ★ Ping Pong
- ★ Badminton
- ★ Permainan Dalaman

KELAB

- ★ Bahasa Inggeris
- ★ Pencinta Alam
- ★ Rekreasi
- ★ Seni Budaya
- ★ Usahawan Muda



AKTIVITI MENARIK

Pelbagai aktiviti menarik disediakan bertujuan untuk mendedahkan pelajar Sekolah Tinta dengan pengetahuan dan pengalaman pembelajaran yang menarik. Sekaligus menarik minat mereka untuk hadir ke sekolah saban hari.

- Lawatan Sambil Belajar
- Hari Keusahawanan
- Pameran Pelajar
- Hari Sukan
- Kem Kokurikulum
- Minggu Bahasa
- Pementasan
- Kem Kepimpinan
- Bengkel Kemahiran
- Hari Apresiasi

PENCAPAIAN



RAKAN STRATEGIK



Sekolah Tinta adalah sebahagian keluarga GAINS Education Group. GAINS Education Group adalah syarikat induk Genius Aulad, IDRISSI International School dan SEKOLAH TINTA

GAINS
EDUCATION GROUP



Alamat:

SEKOLAH TINTA
No. 1, Jalan Kajibumi U1/70,
Temasya Niaga, Glenmarie,
40150 Shah Alam, Selangor,
Malaysia.

Berdaftar dengan:



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEKOLAH TINTA™
"Eksplorasi Idea"

SEKOLAH RENDAH

SEKOLAH MENENGAH



SEKOLAH STEM MALAYSIA

SELAMAT DATANG KE DUNIA EKSPLORASI & REALISASI IDEA

Selamat datang ke SEKOLAH TINTA, sekolah STEM Malaysia dengan pelaksanaan kurikulum berpandukan KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) dan KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah).

STEM merupakan kata akronim kepada Sains, Teknologi, Kejuruteraan (Engineering) dan Matematik iaitu satu pakej pendidikan yang menggabungkan empat cabang ilmu yang menjadi asas kepada pembangunan negara dalam bidang teknologi dan inovasi dalam menempuhi cabaran Industri 4.0.

Sekolah Tinta mengambil inisiatif mencorak pendidikan yang menggabungkan idea, teknologi dan inovasi beraspirasikan kepada pendidikan STEM serta membangunkan modal insan yang beretika dan berintegriti. Kelainan Sekolah Tinta daripada taman ilmu yang lain adalah daripada sudut pendekatan yang menggabungkan elemen praktikal dan pembelajaran yang aktif di dalam dan di luar bilik darjah.



Sekolah Tinta @ GLENMARIE, Shah Alam



KUASAI KEMAHIRAN MASA HADAPAN BERMULA HARI INI

Pelaksanaan pendidikan STEM di Sekolah Tinta mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan aplikasi dalam mata pelajaran utama seperti Sains dan Matematik secara mendalam. Silibus dalam KSSR & KSSM dijadikan rujukan utama untuk menghasilkan projek yang bersesuaian dan seimbang dengan kemampuan para pelajar mengikut tahap yang ditetapkan.



SEKOLAH RENDAH

Berinspirasi semangat "Eksplorasi Idea", Sekolah Tinta menyediakan pengalaman baharu dalam dunia persekolahan para pelajar. Seiring dengan pengaplikasian Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bermula daripada Tahun Satu hingga Tahun Enam, Sekolah Tinta mengikuti standard penilaian pelajar seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.


MATA PELAJARAN

TAHAP 1 (DARJAH 1 - 3)

Bahasa Melayu | Bahasa Inggeris | Matematik | Sains
Pendidikan Seni | Pendidikan Jasmani & Kesihatan | Pendidikan Agama Islam & Jawi | Arab

TAHAP 2 (DARJAH 4 - 6)

Bahasa Melayu | Bahasa Inggeris | Matematik | Sains
Pendidikan Seni | Pendidikan Jasmani & Kesihatan | Pendidikan Agama Islam / Moral | Arab | Sejarah | RBT



SEKOLAH MENENGAH



Para pelajar Sekolah Menengah Tinta dididik sebagai pemimpin masa hadapan, pencetus hasil reka cipta yang kreatif dan perintis dalam pembangunan sektor teknologi, pembuatan dan perkhidmatan dalam negara. Ia selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara dan keperluan dalam Revolusi Industri 4.0.

Pedagogi di Sekolah Tinta menekankan kepada pembelajaran secara mendalam melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui KSSM.

Fokus diberikan kepada :-

- ⚙ Pembelajaran berasaskan inkuiri
- ⚙ Penyelesaian masalah
- ⚙ Pembelajaran kontekstual
- ⚙ Pembelajaran kolaboratif
- ⚙ Pembelajaran berasaskan projek dan pendekatan STEM

MATA PELAJARAN

MENENGAH RENDAH (TINGKATAN 1 - 3)

Bahasa Melayu | Bahasa Inggeris | Matematik | Sains
Pendidikan Seni | Pendidikan Jasmani & Kesihatan | Arab
Pendidikan Agama Islam / Moral | RBT | Sejarah | Geografi